

Headline	Forest Skywalk saji pemandangan panorama rimba dan ibu kota		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	25 Oct 2021	Color	Black/white
Section	News	Circulation	31,034
Page No	10	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	424 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 1,580
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,741



Forest Skywalk saji pemandangan panorama rimba dan ibu kota

KUALA LUMPUR: Pernahkah anda terbayang untuk menikmati pemandangan kehijauan rimba dari sudut atas ibarat pandangan lensa mata seekor burung yang terbang di udara?

Tambah mempesonakan pada aras ketinggian 141 meter dari aras laut, anda juga boleh menikmati pemandangan panorama bandar raya Kuala Lumpur termasuk Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur serta Menara Tun Razak Exchange di bawah langit biru yang mengasyikkan.

Pengalaman tersebut boleh dirasakan di Forest Skywalk atau Jejantas Rimba di Taman Botani Kepong seliaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

(FRIM) yang dibuka semula kepada orang ramai sejak 16 Okt selepas lebih setahun ditutup susulan penularan COVID-19.

Ketua Pengarah FRIM Dr Ismail Parlan berkata selaras dengan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara pihaknya bersedia menerima kedatangan pengunjung bagi mencuba tarikan terbaharu terletak kira-kira 20 kilometer dari pusat bandar itu menerusi tempahan awal secara dalam talian, terhad kepada 160 pengunjung sehari.

“Jejantas ini sempat dibuka kepada orang ramai kira-kira 35 hari selepas pembukaan pada 31 Ogos tahun lepas dan mendapat sambutan memberangsangkan dengan kedatangan lebih 12,000 pengunjung

sepanjang tempoh itu.

“Jadi sesuai dengan situasi semasa, kami menambah baik sistem menerusi tempahan awal secara dalam talian bagi mengelakkan kesesakan dan menjaga penjarakan,” katanya kepada Bernama.

Ismail berkata jejambat sepanjang 250 meter yang diperbuat daripada aluminium itu dilengkapi dengan ciri keselamatan yang terjamin dan berstruktur mesra alam.


Jelasnya Jejantas Rimba yang melelan kos RM3.5 juta itu dihubungkan lapan menara dengan ketinggian berbeza iaitu dari 18 meter hingga 50 meter yang turut menawarkan pemandangan tasik dan kehijauan rimba.

Beliau berkata hanya lima individu dibenarkan berada

di jambatan pada satu masa dan pengunjung juga perlu sabar menunggu giliran untuk menaiki tangga secara berperingkat bagi tujuan keselamatan.

“Saya berharap kemudahan ini juga akan membantu meningkatkan lagi kesedaran dan penghayatan masyarakat mengenai kepentingan hutan yang penting dalam mengatasi isu perubahan iklim dan sama-sama menggalas tanggungjawab menjaga alam semula jadi,” katanya.

Ismail berkata orang ramai yang berminat untuk mencuba tarikan itu boleh membuat tempahan awal di laman web FRIM dengan bayaran tiket antara RM8 dan RM15 untuk kemasukan bermula 8.30 pagi hingga 3.30 petang. — Bernama



MEMIKMATI PEMANDANGAN: Pada aras ketinggian 141 meter dari aras laut, anda boleh menikmati pemandangan panorama bandar raya Kuala Lumpur secara 360 darjah termasuk Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur serta Menara Tun Razak Exchange. Orang ramai yang berminat untuk mencuba tarikan itu boleh membuat tempahan awal di laman web FRIM dengan bayaran tiket antara RM8 hingga RM15, yang dibuka pada 8.30 pagi hingga 3.30 petang di Kuala Lumpur. — Gambar Bernama



MULAI DIBUKA: Forest Skywalk atau Jejantas Rimba di Taman Botani Kepong seliaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang telah dibuka semula kepada orang ramai sejak 16 Okt lepas selepas lebih setahun ditutup susulan penularan COVID-19 di Kuala Lumpur, semalam.

— Gambar Bernama